

SIAPA KAMI



- 33 anak-anak cahaya
- Bangsa: Bugis, Butun, Bajau, Suluk, Sungai dan Kagayan.
- Umur: 10 tahun-16 tahun
- Lelaki: 22 orang
- Perempuan: 11 orang
- Latar ekonomi: Nelayan, peniaga, pekerja sambilan, buruh



WARTA CAHAYA

Februari 2022

m/s 2

Kenali Kami!

m/s 3

Bikin Apa?

m/s 5

Bulan depan, bikin apa?

m/s 6

Sokong Kami!

m/s 7

Penghargaan

**Salam setiakawan,
sidang pembaca!
Semoga kita semua
sentiasa sihat sejahtera
dan terlindung daripada
wabak jahat Covid-19.
Apa khabar? Februari ini,
kita telah merancang
beberapa aktiviti yang
mengajak kawan-kawan
semua terlibat bersama.
Terus menyokong dan
bersama kita mencapai
aspirasi ini bersama!**



Kenali Kami!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



KAJIAN KOMUNITI 2022

CAHAYA SOCIETY

CABARAN SOSIOEKONOMI KOMUNITI RENTAN DI SANDAKAN, SABAH
 ENAM PULUH TIGA (63) RESPONDEN DARIPADA TERATAK ILMU TELAH DITEMUBUAL UNTUK TUJUAN MEMAHAMI CABARAN DI ANTARA KEHIDUPAN SOSIAL DAN AKTIVITI EKONOMI KOMUNITI TERUTAMA PASCA PERLAKSANAAN PKP DI SABAH.

Bikin Apa?

1 | **Prihatin Komuniti**

Distribusi 500 pek bekalan asas dapur kepada pekerja migran yang lengkap divaksin. Program ini ditaja oleh International Organisation for Migration (IOM)- UN Migration. Agihan melibatkan 16 lokaliti di Sandakan, Sabah.

2 | **Kem Cita Cahaya (KCC - Siri 1)**

Kem motivasi melibatkan 35 anak-anak cahaya. Jemputan luar ialah Pencetus Ummah (PU) Azihal Bangsawan. Kem selama dua hari satu malam ini turut melibatkan tugas berkumpulan, klinik solat dan acara berkasih sayang sesama anak-anak dan guru komuniti.

3 | **Kajian Komuniti I: Cabaran Sosioekonomi Komuniti Rentan di Sandakan, Sabah.**

Kajian yang sepenuhnya kita jalankan melibatkan 200 responden dalam kalangan komuniti cahaya daripada enam (6) lokaliti yang berbeza. Februari dan Mac adalah tempoh masa untuk menjalankan kajian lapangan dan kompilasi data. Kita cuba memahami hubungan antara kehidupan sosial komuniti dan aktiviti ekonomi mereka. Laporan kajian ini akan didedahkan kepada umum.

Bikin Apa?

4 | **Bengkel Kemiskinan Haid**

Bengkel anjuran Bunga Pad dengan kerjasama Abim Sandakan, Hospitals Beyond Boundaries dan Cahaya Society melibatkan 25 anak-anak di Cahaya Learning Centre (CLC) dan Opak Lestari. Bengkel ini mendedahkan tentang cara mengendali haid, kebersihan wanita dan distribusi kit wanita.



5 | **Lawatan Setiakawan oleh Radzi & Friends**

Kunjungan yang sangat bermanfaat dan perkongsian ilmu yang amat penting oleh Rachel, Gomi, Cecilia, Francis, Murphy dan Radzi ke CLC dan empat (4) lagi Pusat Alternatif lain. Magsukul!



6 | **Lawatan oleh Representatif UNICEF ke Malaysia & Brunei Darussalam**

Lawatan sehari ke komuniti dan bertemu beberapa keluarga pelajar CLC untuk memahami historiografi dan demografi kampung atas air termasuklah beberapa isu bersangkut kanak-kanak di Sandakan, Sabah.



7 | **Webinar Cahaya (Siri 16)**

Siri kali ini membincangkan topik penting iaitu cadangan kerajaan untuk memberikan Kad Warga Asing di Sabah. Pelbagai reaksi daripada pembuat dasar, pemegang taruh dan aktivis di lapangan. Kita sedaya updaya membuka ruang dialog bagi memastikan tiada siapa lagi terabai hak asasi di Malaysia.

SIRI WEBINAR CAHAYA (SIRI 16)

CAHAYA SOCIETY

Kad Warga Asing di Sabah: Apa cerita?

26 FEB 2022 | 8PM | [f](#) LIVE

Adrian Banie Lasimbang
(Presiden, Pertubuhan Suara Anak Sabah)

Anne Baltazar
(Pengasas, ANAK)

Program & Advokasi



Cahaya Learning Centre
Pusat Pembelajaran Cahaya adalah ruang aktiviti dan belajar yang dibangunkan untuk tujuan program pendidikan alternatif melibatkan kanak-kanak keciciran pendidikan dan tidak berkemampuan



Prihatin Cahaya
Program kebajikan sosial bertumpu kepada bantuan pek makanan asas, kit kebersihan dan kesihatan melibatkan komuniti kurang mampu, warga emas, OKU, anak yatim dan komudi tanpa dokumen.



Webinar Cahaya
Program atas talian berkala melibatkan organisasi ahli akademik daripada pelbagai bidang untuk mendiskusikan topik yang relevan bersangkut pendidikan, aktiviti, perubahan sosial, ketahananpeneraan dan lain-lain.



Garaj Cahaya
Program pembangunan ekonomi komuniti menerusi penghasilan produk secara kolektif antaranya Sambal Cahaya, Rumah Biskut Cahaya dan Cahaya Ceria.



Bulan depan, bikin apa?

- 1 | **Lawatan perwakilan IOM Malaysia dan IOM UN-Migration** daripada Geneva.
- 2 | **Kolaborasi Bengkel Kemiskinan Haid** bersama Bunga Pad di beberapa kepulauan kecil melibatkan komuniti B40.
- 3 | Program **#BackToSchool** kepada 120 pelajar dalam kalangan B40 dan tanpa dokumen dengan kerjasama dan sokongan dana daripada Yayasan Hasanah.
- 4 | **Pelancaran tabung #SungkaiCahaya** bagi mencari penaja kepada 1,200 bungkus juadah yang disiapkan oleh tim Dapur Cahaya untuk diagihkan kepada yang memerlukan sepanjang bulan Ramadhan.
- 5 | **Kelas Menjahit** bersama wakil komuniti melibatkan beberapa anak-anak cahaya yang akan terlibat secara langsung dalam modul kemahiran di CLC.



Sokong Kami!

*Sumbangan untuk tujuan
advokasi dan program
pendidikan alternatif ke:*

**Pertubuhan Pendidikan
Anak Cahaya Sabah**

860 368 6012
(CIMB Bank)

5600 2751 2662
(Maybank)

CAHAYA
SOCIETY
EDUCATION FOR ALL



Penghargaan

Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!

Media

website: **cahaya**society.org****

facebook/instagram/twitter: **Cahaya Society**

email: **cahaya**society@gmail.com****

Alamat

Bandar Ramai-Ramai,
Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila,
90000, Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat)

089 666 915

No. Tel (Admin)

017 820 6712 (En. Suardy M.Natsir)